

Gondol hutan punca nyamuk masuk bandar

» *Pembersihan kawasan pembiakan aedes perlu dijalankan serentak*

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

■ **Kuala Lumpur**

Peningkatan ketara kes denggi di negara ini, juga dikaitkan dengan penebangan hutan termasuk pembalakan dan perumahan.

Aktiviti itu mendorong nyamuk aedes 'alopictus' yang habitatnya di hutan memasuki kawasan bandar atau kekal di kawasan yang digondolkan

selepas ia bertukar kepada kawasan perumahan.


Ketua Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata kawasan hutan termasuk ladang kelapa sawit atau getah memang ada nyamuk aedes jenis alopictus yang juga pembawa virus denggi.

Aktiviti pembersihan perlu serentak

"Apabila kawasan hutan dijadikan kawasan perumahan, nyamuk masih terus berada di situ dan menggigit penduduk di situ," katanya.

Beliau juga berkata, aktiviti pembersihan kawasan pembiakan nyamuk aedes perlu dijalankan serentak oleh semua penduduk sekiranya mahu serangga itu dihapuskan sepenuhnya.

Usaha berasingan membersihkan kawasan pembiakan hanya sekadar mampu meng-



“*Apabila kawasan hutan dijadikan kawasan perumahan, nyamuk masih terus berada di situ dan menggigit penduduk di situ*”

Dr Ahmad Ismail,
Ketua Jabatan Biologi,
Fakulti Sains, UPM

halau nyamuk aedes daripada sesuatu kawasan atau premis tanpa menghapuskannya.

Beliau berkata sudah sampai masanya langkah lebih agresif menerusi pembersihan serentak itu dijalankan bagi memerangi denggi.

"Apabila seluruh kawasan perumahan dibersihkan serentak, langkah yang sama perlu dijalankan di kawasan lain pula sehinggalah seluruh daerah dan negeri dibersihkan," katanya yang dihubungi di sini, semalam.

Dr Ahmad yang juga Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, berkata pihak kerajaan negeri menerusi pihak berkuasa tempatan perlu menjadi fasilitator kepada usaha berkenaan.

Katanya pembersihan kawasan pembiakan nyamuk aedes perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua minggu sekali.